



25 JUL, 2025

Tenaga nuklear sumber penjanaan elektrik



Berita Harian, Malaysia

Tenaga nuklear sumber penjanaan elektrik

Kerajaan sedang mengambil pendekatan berperingkat dalam memperkenalkan tenaga nuklear sebagai antara sumber penjanaan dalam campuran tenaga negara, kata Datuk Seri Fadillah Yusof.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, pendekatan itu selari sasaran negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Beliau menegaskan sebarang keputusan muktamad berhubung pembinaan loji jana kuasa nuklear hanya dibuat selepas prasyarat berkaitan keselamatan, teknikal, dasar dan lain-lain pertimbangan penting dipenuhi.

Sehubungan itu, katanya, tumpuan akan diberi kepada penilaian menyeluruh terhadap kesiapsiagaan negara daripada aspek dasar, teknikal, institusi, un-

dang-undang, keselamatan, pembangunan sumber manusia, ekonomi serta tahap kesedaran masyarakat.

“Bagi tujuan ini, kementerian sudah melantik MyPOWER bagi memainkan peranan sebagai Organisasi Pelaksana Program Tenaga Nuklear (NEPIO).

“Ini selaras saranan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bagi negara mahu memperkenalkan tenaga nuklear sebagai sumber penjanaan tenaga elektrik,” katanya dalam jawapan bertulis di siarkan di laman web Parlimen.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu) mengenai dasar dalam mengadaptasi tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada *national energy mix*.

Fadillah berkata, MyPOWER akan bertindak sebagai agensi penyelaras utama dalam pembangunan program tenaga nuklear

negara dan kini sedang melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk pelaksanaan kajian teknikal dan kebolehlaksanaan terhadap teknologi reaktor nuklear bersesuaian.

“Pembangunan dasar dan pengukuhan rangka kerja perundangan bagi menyokong potensi pelaksanaan projek tenaga nuklear. Pemerkasaan kerjasama dua dan pelbagai hala dengan negara serta institusi antarabangsa dalam bidang teknologi, latihan dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa.

“Pembangunan kapasiti sumber manusia dan institusi berkaitan, terutama aspek keselamatan nuklear, keselamatan fizikal dan kawalan penggunaan nuklear (3Ss),” katanya.

Sementara itu, Fadillah berkata, penggunaan tenaga nuklear tidak dimasukkan dalam pelan asal Pelan Hala Tuju Peralihan

Tenaga Negara (NETR) pada 2023, memandangkan kerajaan ketika itu belum membuat sebarang keputusan berkaitan penggunaan sumber tenaga berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan teknologi hidrogen sudah pun dimasukkan sebagai antara teknologi berpotensi untuk dibangunkan di bawah NETR.

“Sejak NETR dilancarkan, tenaga nuklear dikenal pasti sebagai antara pilihan berpotensi yang boleh menyumbang sebagai sumber tenaga beban asas bersih, stabil dan rendah karbon dalam menyokong peningkatan permintaan elektrik serta usaha mengurangkan ketergantungan terhadap bahan api fosil.

“Justeru, kerajaan kini berseedia meneroka potensi tenaga nuklear dan tenaga hidrogen sebagai antara sumber penjanaan elektrik negara,” katanya.